

22 SEP 2000

MTUC-Harga

MTUC SERTA TIGA LAGI NGO PANTAU HARGA BARANGAN KEPERLUAN

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) serta tiga lagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sedang memantau harga barangan keperluan diseluruh negara bagi memastikan para peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan ekoran kemungkinan kenaikan harga minyak.

Presiden MTUC Zainal Rampak berkata pemantauan itu dilakukan mulai sekarang di semua kedai runcit serta pasaraya diseluruh negara.

Beliau berkata jawatankuasa bersama MTUC, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan Majlis Belia Malaysia (MBM) telah mengarahkan semua anggota gabungan masing-masing melakukan pemantauan itu bagi memastikan para peniaga tidak menaikkan harga barangan keperluan sewenang-wenangnya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan peniaga supaya tidak menaikkan harga barang serta perkhidmatan apabila harga minyak meningkat.

Dr Mahathir berkata sekalipun harga minyak naik 10 peratus, ia hanya membabitkan peningkatan 0.5 peratus kerana kos minyak cuma kira-kira lima peratus daripada kos keseluruhan pengeluaran.

Zainal yang bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir itu berkata adalah tidak wajar harga minyak dijadikan asas untuk menaikkan harga barangan.

"Perbuatan itu akan hanya menyusahkan para pekerja di negara ini terutamanya yang berpendapatan rendah," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata perbuatan itu juga sudah tentu akan meningkatkan kadar inflasi di negara ini dan menyusahkan rakyat secara keseluruhannya.

Oleh itu beliau berharap orang ramai akan memberikan kerjasama kepada gerakan pemantauan harga itu dengan memberi maklumat mengenai sebarang kenaikan harga yang berlaku di kawasan masing-masing.

Katanya segala maklumat hasil pemantauan itu akan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk tindakan selanjutnya.

-- BERNAMA

AKT ES LAT